

# LAWATAN KERJA PANGLIMA PENDIDIKAN DAN LATIHAN UDARA KE INSTITUT TEKNOLOGI SENJATA DAN BAHAN LETUPAN TUDM

 [airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/3039-lawatan-kerja-panglima-pendidikan-dan-latihan-udara-ke-institut-teknologi-senjata-dan-bahan-letupan-tudm](http://airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/3039-lawatan-kerja-panglima-pendidikan-dan-latihan-udara-ke-institut-teknologi-senjata-dan-bahan-letupan-tudm)

BUTTERWORTH, 14 Feb 18 - Panglima Pendidikan dan Latihan Udara, YBhg Lt Jen Dato' Kamalruzaman bin Mohd Othman TUDM telah mengadakan lawatan kerja ke Institut Teknologi Senjata dan Bahan Letupan TUDM.

Beliau yang turut diiringi oleh Ketua Staf MPPLU, YBhg Brig Jen Dato' Hj Sanusi bin Hj Samion TUDM telah disambut oleh Pegawai Memerintah ITSBL TUDM, Mej Syed Mutualib bin Syed Othman TUDM.

Dalam rangka lawatan kerja beliau, Panglima Pendidikan dan Latihan Udara telah diberi taklimat oleh Pegawai Memerintah berkenaan latarbelakang ITSBL TUDM dan kursus yang dianjurkan oleh ITSBL TUDM. Selain itu, Panglima Pendidikan dan Latihan Udara turut melawat sekitar kawasan ITSBL TUDM.



